

# Penguat kuasa pantau peniaga naik harga

**Kuala Lumpur:** Lebih 2,000 pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kini bersedia mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang didapati menaikkan harga barang selepas pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), pada 1 April ini.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek, berkata kementeriannya juga sudah menurunkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pengerusi Jawatankuasa Kemaajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) bagi membantu anggota penguat kuasa KPDNKK terbabit.

Katanya, kementeriannya berharap langkah itu dapat

meningkatkan lagi keberkesanan sistem pemantauan ke atas premis terbabit.

“Orang ramai yang ada sebarang maklumat berhubung perbuatan peniaga yang sengaja menaikkan harga barang dan perkhidmatan perlu membuat aduan terus kepada pejabat cawangan KPDNKK di seluruh negara bagi memudahkan kita mengambil tindakan undang-undang.

“Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan bersedia mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga barang melampaui batas dengan menggunakan pelaksanaan GST sebagai alasan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan UMNO Cawangan-Cawangan Dalam Bahagian Lembah

Pantai di Dewan Tun Razak, Menara Berkembar Bank Rakyat di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian UMNO Lembah Pantai, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Pengarah Urusan merangkap Presiden Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd Razak.

## Serah sumbangan zakat

Mustafha turut menyampai



*Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan bersedia mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga”*

**Hasan Malek,**  
Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri, Koperasi  
dan Kepenggunaan

sumbangan zakat Bank Rakyat sebanyak RM100,000 kepada Nong Chik untuk diagihkan kepada golongan asnaf dan fakir miskin di sekitar Parlimen Lembah Pantai.

Dalam pada itu, Hasan berkata, tujuan utama kerajaan memperkenalkan GST adalah untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat dan mengelak negara daripada muflis.

Berikutan itu, katanya, tidak timbul soal pelaksanaan GST akan menyebabkan rakyat menyokong pembangkang pada PRU-14 nanti.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa pelaksanaan GST akan mengakibatkan setengah harga barang keperluan dan perkhidmatan mengalami sedikit kenaikan.

“Bagi saya, pelaksanaan GST ini memang memberikan kesan positif kepada rakyat dan dapat mengukuhkan kedudukan ekonomi negara kita.

“Rakyat kena faham bahawa kerajaan tidak pernah berniat untuk menyusahkan,” katanya.